



TERKINI - 02 Aug 2023 04:24 PM



Pusat perubatan KMI Kuala Terengganu tekad mengorak langkah kekalkan momentum cemerlang



Oleh DIYANA ISAMUDIN
diyana@dagangnews.com

KUALA LUMPUR 2 Ogos - KMI Kuala Terengganu Medical Centre (KMIKT) komited mengorak langkah bagi mengekalkan momentum agar tetap cemerlang sebagai hospital pakar swasta pilihan dan dipercayai.

KMIKT merupakan anak syarikat bahagian penjagaan kesihatan TDM Berhad (TDM) di bawah kelolaan Kumpulan Medic Iman Sdn Bhd (KMI Healthcare).

Dalam satu kenyataan media hari ini, pusat perubatan itu berkata faktor utama menyumbang kepada prestasi cemerlang KMIKT adalah peningkatan dalam bilangan pesakit dalam dan pesakit luar serta pertambahan kadar penghunian bilik.

Pengerusi KMIKT, Mazli Zakuan Mohd Noor berkata KMIKT akan memberi tumpuan untuk meningkatkan perkhidmatan dan sub-kepakarannya dengan menawarkan pelbagai servis kesihatan yang memenuhi permintaan pelanggan



Mazli Zakuan Mohd Noor

Selain itu, katanya, tumpuan turut diberikan dalam meningkatkan penembusan pasaran kepada segmen pasaran baharu dan sedia ada di Pantar Timur.

"Usaha berterusan untuk mewujudkan kerjasama dengan kedua-dua sektor awam dan swasta juga akan terus diperhebat.

Setakat ini, kerjasama di antara KMIKT dan LPPKN (Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara) masih lagi diteruskan untuk Program Saringan Mammogram, di mana pencarum Wanita PERKESO yang berumur 40 tahun ke atas layak untuk mendapatkan ujian saringan Mammogram secara percuma di premis KMIKT," tambah beliau.

Mengulas perancangan syarikat, Pengurus Besar KMIKT, Salina Long berkata, "Sebuah pusat dialisis akan dibuka di dalam fasiliti KMIKT pada tahun hadapan, yang dijangka dapat menampung keperluan pesakit. Usaha ini seiring dengan visi syarikat untuk menempatkan pelbagai perkhidmatan kesihatan di bawah satu bumbung.



Salina Long

Melangkah ke hadapan, KMIKT turut merancang penawaran perkhidmatan baharu pada tahun depan seperti onkologi dan neurologi, sementara bersedia untuk melabur dalam teknologi yang moden dan terkini agar perkhidmatan bermutu tinggi dan berkembang mengikut peredaran zaman.

KMIKT berkata ia kini terus komited untuk mendapatkan pensijilan Malaysian Society for Quality in Health (MSQH) yang merupakan satu akreditasi yang mengikut piawaian dan kualiti antarabangsa untuk sektor kesihatan. - DagangNews.com



dagangnews.com
Berita Bisnes Anda

Layari kami terus di DagangNews.com dan juga

f t i d y

Orang ramai yang ingin memberi pandangan atau suara hati, boleh menghantar tulisan ke suratpembaca@dagangnews.com dengan menyatakan:

1. Nama Pena (jika tidak mahu guna nama sebenar).
2. Nama Sebenar seperti dalam Kad Pengenalan (Untuk rekod kami).
3. No. Telefon (untuk kami hubungi semula).
4. Menulis mengikut 5 Prinsip Rukun Negara.
5. Tidak melebihi 1,000 patah perkataan.
6. Editor berhak untuk menyunting atau menolak artikel secara profesional.

ARTIKEL BERKAITAN



TERKINI - 06 Aug 2023 09:17 AM
Malaysia, Turkiye bekerjasama tangani isu Islamofobia di peringkat antarabangsa - PM Anwar



TERKINI - 04 Aug 2023 06:38 PM
Berjaya Land buat laporan polis, nafi tuduhan tidak berasas MB Kedah mengenai Projek SMG



TERKINI - 04 Aug 2023 06:30 PM
MBI, Pebec Berhad bina Taman Dinosaur dengan kos RM7 juta di Taman Rekreasi Gunung Lang, Ipoh



EKSANG
TERKINI - 04 Aug 2023 06:11 PM
Bursa Malaysia Securities tegur Ekskons Corporation langgar Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama



TERKINI - 04 Aug 2023 05:57 PM
474 produk, teknologi bernilai lebih RM540 juta dikomersialkan melalui MCY - MOSTI



TERKINI - 04 Aug 2023 05:38 PM
E.A. Technique raih dua kontrak bernilai RM12.62 juta daripada Sungai Udang Port

BERITA

- 01 **Malaysia, Turkiye bekerjasama tangani isu Islamofobia di peringkat antarabangsa - PM Anwar**
- 02 **Berjaya Land buat laporan polis, nafi tuduhan tidak berasas MB Kedah mengenai Projek SMG**
- 03 **MBI, Pebec Berhad bina Taman Dinosaur dengan kos RM7 juta di Taman Rekreasi Gunung Lang, Ipoh**
- 04 **Bursa Malaysia Securities tegur Ekskons Corporation langgar Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama**
- 05 **474 produk, teknologi bernilai lebih RM540 juta dikomersialkan melalui MCY - MOSTI**
- 06 **E.A. Technique raih dua kontrak bernilai RM12.62 juta daripada Sungai Udang Port**

LINK

- Home
- Pilihan Editor
- Terkini
- Video
- Merrepek
- Kolumnis
- Parafraza
- Sukan

FB LIKEBOX



CONTACT INFO


 # Dagang News Sdn Bhd 06-06, Pusat Perdagangan, Plaza Azalea, 10, Persiaran Bandar Raya, Seksyen 14, 40000 Shah Alam, Selangor
 editor@dagangnews.com